



KENYATAAN MEDIA
SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

06 Ramadhan 1441 / 30 April 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Khamis , 06 Ramadhan 1441H bersamaan 30 April 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **Jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 138 orang.**
2. Sementara itu, **tidak ada kes** telah disahkan sembah dari COVID-19, menjadikan **Jumlah keseluruhan yang telah sembah kekal kepada 124 orang**. Ini membawa jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini kepada **13 kes**. Daripada jumlah tersebut, 2 daripadanya masih dalam keadaan kritikal dan kedua-duanya masih memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* di samping bantuan mesin pernafasan. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.
3. Pada hari ini juga, seramai **66 orang** masih menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 manakala jumlah keseluruhan

mereka yang telah menamatkan tempoh kurantin ialah seramai **2,509 orang**.

4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 152 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 13,580 ujian.
5. Mengenai dengan kes yang telah sembuhs tetapi didapati positif semasa pemeriksaan susulan, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa **tidak ada kes** yang sedemikian disahkan pada hari ini, manakala **satu kes** telah dibenarkan pulang. Ini membawa jumlah keseluruhan kes yang sedemikian pada masa ini seramai **22 orang** di mana **6 orang masih** menjalani pemeriksaan dan ujian lanjut.
6. Seterusnya, berhubung dengan pembelian juadah makanan, minuman dan lain-lain di restoran-restoran, gedung-gedung perniagaan, pasar-pasar dan kedai-kedai runcit, Kementerian Kesihatan ingin sekali lagi mengingatkan orang ramai untuk terus melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing dan membudayakan langkah-langkah pencegahan ketika membuat pembelian. Terutama sekali untuk sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal (*physical distancing*) seperti yang disarankan dan tidak beramai-ramai mengunjungi ke satu tempat. Disamping itu, pemilik-pemilik perniagaan serta restoran adalah juga disyorkan untuk mengambil

langkah-langkah pencegahan untuk mengelak situasi perhimpunan ramai di tempat atau sekitar premis penjualan seperti menyediakan tempat menunggu yang sesuai yang menurut syarat-syarat penjarakan fizikal ataupun membuat kaedah penghantaran ke kereta pelanggan iaitu tanpa memerlukan pelanggan untuk menunggu di sekitar tempat atau premis penjualan. Ini adalah disamping kaedah-kaedah lain yang boleh dibuat seperti *drive-thru* atau *home delivery*.

7. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

**Selamat menunaikan ibadah puasa. Semoga kita semua dirahmati di bulan Ramadhan yang mulia ini dan segala amalan kita di terima Allah
Subhanahu WaTa'Ala jua. Aamiin Ya Rabbal Alamiin**

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 06 Ramadhan 1441H / 30 April 2020